



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	STRATEGI PERMODENAN DAN PERTANIAN PINTAR, PEMACU PERUBAHAN UTAMA DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2021-2030-PM, BERNAMA -ONLINE PERSEKITARAN KONDUSIF UNTUK BELIA CEBURI SEKTOR AGRO MAKANAN- RONALD DATUK SERI DR RONALD KIANDEE, BERNAMA -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE DAN 2.0 TINGKATKAN SEKURITI MAKANAN, PERTANIAN PINTAR, NASIONAL, SH -4 SOWING THE SEEDS OF THE FUTURE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 FARMING METHODS TO BE UPDATED, NATION, THE STAR -2 CARI POTENSI PRODUK BAHARU, NASIONAL, SH -7 PERTANIAN PINTAR JADI FOKUS DAN 2.0, NEGARA, KOSMO -6 PERTANIAN PINTAR TERAS DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2.0, MUKA DEPAN, BH -1 DAN 2.0 FIKUS TINGKAT SEKURITI MAKANAN, NASIONAL, BH -2 BERSATU AKUR LARANGAN BERHIMPUN, DEBARAN PRN MELAKA, SH -11 PEMANTAUAN BERTERUSAN TURUNKAN HARGA AYAM, TELUR, NASIONAL, BH -8 BANTUAN SUBSIDI, PANTAU HARGA ELAK KOS NAIK, NASIONAL, SH -9 BELANJA BERHEMAT KETIKA HARGA TURUN NAIK, NASIONAL, BH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
15. 16.	LAPAN PENGANIAYAAN HAIWAN DIHUKUM, LOKAL, HM -19 ANIMAL CRUELTY CASES STILL PREVALENT DESPITE PENALTIES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
17.	LEPAS 400 ANAK PENYU AGAR DI PULAU TULAI, LOKAL, HM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
18.	EKSPORT HASIL PERTANIAN KE SINGAPURA MENINGKAT, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	REBUT PELUANG KE PASARAN ANTARABANGSA, NASIONAL, SH -7 TOP FRUITS TEMBUSI PASARAN 20 NEGARA, NASIONAL, SH -7 EKSPORT MAKANAN KE SINGAPURA STABIL, NASIONAL, SH -6 FAMA CATAT JUALAN RM122 JUTA, NASIONAL, SH -6 FAMA RECORDS RM122 MLN SALES VIA OUTLETS IN LESS THAN 2 MONTH, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A4 368 RANGKAIAN OUTLET FAMA CATAT JUALAN RM122 JUTA, BISNES, HM -24 MAK CUN MASUK PASAR TANI FAMA, BISNES SINAR, SH -29	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
26. 27. 28.	'BAGAI JATUH DITIMPA TANGGA', DALAM NEGERI, UM -10 'TURUN PANGKAT' DEMI DIESEL SUBSIDI RM1.65 SELITER, DALAM NEGERI, UM -10 NELAYAN LAUT DALAM TAK WAJAR RASA TERBEBAN, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
29. 30. 31. 32. 33. 34. 35. 36. 37. 38.	KAWAL HARGA RACUN RUMPAL, BAJA, NASIONAL, SH -4 CATU DEDAK, TANAM JAGUNG, NASIONAL, SH -3 HARGA INPUT PERTANIAN NAIK 80 PERATUS, NASIONAL, SH -3 PETANI, PENTERNAK TERTEKAN, MUKA DEPAN, SH -1 CADANG NAIK HARGA PADI ATASI KOS RACUN, NASIONAL, SH -2 PESAWAH TERPAKSA PINJAM WANG BROKER, NASIONAL, SH -2 PENIAGA TAK JUAL KERANG-KERANGAN DI SUNGAI GETING, NEGERI KELANTAN, SH -24 RATUSAN IKAN SEPAT MATI DI SAWAH, DALAM NEGERI, UM -29 BERAS DI MALAYSIA PALING MURAH, LOKAL, HM -17 PELBAGAIKAN PRODUK BERASASKAN BERAS, LOKAL, HM -17	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

Strategi pemodenan dan pertanian pintar, pemacu perubahan utama Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 – PM



KUALA LUMPUR, 25 Okt -- Strategi pemodenan dan pertanian pintar merupakan pemacu perubahan utama dalam menjayakan transformasi sektor agromakanan

negara di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata ia bakal dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja bagi

meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi Revolusi

Perindustrian Keempat.

“Dalam hal berkaitan, bidang Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi akan menjadi nadi pembangunan sektor ini.

“Seiring itu, kerjasama pelbagai agensi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, turut digembleng dalam menjayakan DAN 2.0 ini,” katanya

dalam rakaman ucapannya ketika melancarkan dasar berkenaan hari ini yang disiarkan melalui media sosialnya.

Jelas Ismail Sabri, DAN 2.0 dengan tempoh pelaksanaannya yang selari dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 bertujuan meneruskan agenda pembangunan

sektor agromakanan negara dengan tumpuan khusus terhadap usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

“Keutamaan dasar kali ini ditumpukan kepada usaha mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan serta kualiti hidup dalam kalangan pengeluar sektor makanan,”

katanya dan menambah bahawa pertanian pintar juga merupakan antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama

2030.

Ismail Sabri berkata fokus transformasi sistem makanan negara yang akan dilaksanakan melalui DAN 2.0 turut telah dibentangnya pada Sidang Kemuncak Sistem

Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 23 Sept lepas.

Mengulas sejarah pertanian negara, perdana menteri berkata sektor ini telah melalui beberapa proses transformasi sejak merdeka sehingga kini dan sepanjang 64

tahun ini, ia tidak pernah dipinggirkan dalam sebarang pelan pembangunan negara malah semakin ditumpukan.

“Misalnya pada 1974, buat julung kalinya kerajaan ketika itu melancarkan Rancangan Buku Hijau yang bertujuan mengurangkan kebergantungan negara terhadap

import makanan. Usaha sedemikian diteruskan dari setahun ke setahun secara terancang.

“Ini termasuklah penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 (DAN) yang bertujuan menjamin bekalan makanan negara mencukupi dan selamat serta

menjadikan sektor agromakanan berdaya saing,” katanya.

Beliau berkata sistem makanan negara perlu terus diperkukuh supaya lebih berdaya tahan dan mampan terutama sebagai persediaan menangani krisis global selain

pandemik COVID-19 yang mungkin berlaku pada masa akan datang.

Ini menurutnya termasuk meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti berkaitan pengeluaran, pemrosesan, pengedaran, penyediaan termasuklah

keselamatan makanan serta pemakanan.

Perdana menteri berkata melalui kerangka DAN 2.0 berserta dokumen pelan tindakan yang telah disediakan, sasaran purata pertumbuhan sektor agromakanan

dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12.

Mengenai DAN yang dilancarkan sebelum ini, beliau berkata prestasinya ternyata begitu membanggakan.

Setelah dilancarkan, katanya sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara meningkat dengan pertumbuhan purata tahunan

sebanyak 6.8 peratus pada 2020, peningkatan hampir 100 peratus berbanding pertumbuhan KDNK pada 2010.

Jumlah eksport bahan makanan menurutnya juga meningkat dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.4 peratus iaitu daripada RM18.1 bilion kepada

RM33.7 bilion bagi tempoh yang sama.

“Ternyata sektor agromakanan hari ini memiliki nilai tambah yang berpotensi meningkatkan pendapatan di sepanjang rangkaian peserta industri. Demi meneruskan

kejayaan Dasar Agromakanan Negara yang dilancarkan pada 2011 itu, maka pada hari ini DAN 2.0 telah digubal,” katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

Persekitaran kondusif untuk belia ceburi sektor agro makanan – Ronald Datuk Seri Dr Ronald Kiandee



KUALA LUMPUR, 25 Okt -- Persekitaran kondusif membabitkan kemudahan kewangan, insurans pertanian, pendigitalan produk dan penyediaan akses pasaran dalam talian, bakal disediakan bagi menarik penyertaan lebih ramai golongan belia menceburi sektor agromakanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata penerimgunaan teknologi yang lebih meluas

juga dijangka mampu

menarik minat golongan tersebut, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan melonjakkan hasil ekonomi negara.

“Walaupun pada 2020 kita berhadapan pandemik COVID-19, sektor agromakanan menunjukkan pertumbuhan yang positif. Saya yakin menerusi pelaksanaan program

yang rapi dan efisien, sektor ini mampu membantu ekonomi negara,” katanya selepas Majlis Perlancongan Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030 (DAN 2.0), di sini

hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri MAFI I dan II, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid serta Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ronald berkata anak muda kini banyak terbabit sebagai penyedia perkhidmatan yang membuatkan mereka secara tidak langsung terlibat dalam sektor ini.

“Mereka ada yang menawarkan perkhidmatan pengendalian dron kepada pesawah dan dron bagi pertanian yang lain. Kita mahu lihat anak muda ini bukan sahaja

sebagai penyedia perkhidmatan digital, malah terlibat dalam penanaman dan semua rantai agro,” katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

首相:推出国家农粮政策2.0 放眼每年为GDP贡献4.5%



罗纳建迪（右二）为2021至2030年国家农粮政策2.0主持推介礼。左起为哈斯丽娜及阿末韩查，右一为莫扎瓦威。（陈世伟拍摄）

（吉隆坡25日讯）首相拿督斯里伊斯迈沙比利指出，通过国家农粮政策2.0的框架以及备妥的行动计划文件，在第12大马计划下，预计农业食品领域将以每年4.5%的速度增长。

他指出，如今的农业食品领域具有附加值，并且有可能增加产业链参与者的收入。

主持推介国家农粮政策2.0

他是在今日通过线上为2021至2030年国家农粮政策2.0主持推介礼时，在预录致辞时指出，为了使得在2011年推出的国家农粮政策持续取得成功，今日推介的国家农粮政策2.0已获得实施。

伊斯迈沙比利表示，之前推出的国家农粮政策是让人感到骄傲的，在推出之后，为国内生产总值（GDP）作出的贡献明显提高，在2020年的年均增长达6.8%。

“与2010年的国内生产总值增长相比，这增长接近100%。”

他说，食品出口总额也以年均6.4%的速度增长，同比增长从181亿令吉提升至337亿令吉。

伊斯迈沙比利进一步说，国家农粮政策2.0旨在推进农业食品领域的发展议程，重点在于为改善国家粮食安全所作出的努力。

“这项努力将通过现代化和智能农业以及加强农粮价值链取得成功。”

他说，这次的政策重点在于努力提高食品领域生产者的生产力、收入以及生活质量。

智能耕作法成重点

此外，伊斯迈沙比利指出，为了实现国家农粮政策2.0的目标，智能耕作方法成为这领域迈向现代化的重点。

“在这方面，国家农粮政策2.0已将现代化（pemodenan）和智能农业（pertanian pintar）策略，作为农业食品领域成功转型的关键改变者（key game changer）。”

他表示，这两项策略将得到融资基金、投资激励措施和人力的支持，以增加工业革命4.0技术的采用。

出席嘉宾有农业及食品工业部部长拿督斯里罗纳建迪、副部长拿督斯里阿末韩查、副部长聂扎瓦威、秘书长拿督哈斯丽娜等等。

罗纳建迪：农业领域数字应用

将吸引年轻人加入

另一方面，罗纳建迪表示，年轻人参与农业食品领域将有助于推动我国的经济增长。

他在2021至2030年国家农粮政策2.0推介礼后，在新闻发布会上指出，在迈向现代化和智能农业方面，必需涉及数字化，因此国家农粮政策2.0的其中目标就是将年轻人引入农业食品领域。

“农业食品领域的数字应用肯定会吸引年轻人加入这个领域。”

他指出，目前年轻人是以服务提供者（service provider）的身分，间接参与了这个领域，如为农民提供无人机服务等。

“我们希望看到的是，他们不仅是作为数字服务提供者涉足这个领域，而是可以投入在种植以及食品领域的所有产业链。”

Kawal harga racun rumpai, baja

Kerajaan digesa tetapkan kedua-dua bahan itu sebagai harga barangan kawalan mulai tahun depan

Oleh RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Para petani di negeri ini meminta kerajaan menjadikan racun rumpai dan baja tanaman yang kini didapati naik secara mendadak sehingga 50 peratus, sebagai antara harga barangan kawalan bermula tahun depan.

Mereka mendakwa kenaikan harga racun rumpai dan baja itu sehingga dua kali dalam satu musim amat membebankan dan sekiranya dibiarkan boleh menyebabkan petani 'gulung tikar'.

Petani dari Kampung Lubok Kawah, Besut, Kas Wady

Zakaria, 52, berkata, kenaikan bahan input pertanian terutama baja dan racun secara mendadak itu memberi tekanan kepada para petani dan pekebun kecil-kecilan di negeri ini.

"Saya berharap kerajaan dapat mengambil tindakan segera untuk membantu para petani dan pekebun kecil hari ini.

"Kemelut harga racun rumpai ini umpama bom jangka, ia akan menjadi isu penting yang hanya menunggu masa untuk meledak," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Sementara itu, seorang petani yang juga Ketua Unit Kelompok Padi dari Kampung Buluh Hilir, Setiu, Aziz Hamid, 58, turut mengeluh harga racun rumpai dan baja melambung tinggi.

"Ada banyak jenis racun rumpai, ada yang dulu harganya RM45 kini naik RM60, ada yang sebelum ini harga RM58 kini naik melambung tinggi sehingga RM90. Harga racun rumpai pula 20 liter sebelum ini hanya RM210 tapi kini naik sehingga RM260.

"Kalau naik sedikit sahaja



AZIZ HAMID



KAS WADY ZAKARIA



JUSOF ISMAIL

tidak apa tapi kenaikan antara 45 hingga 50 peratus amat membebankan kami.

"Kami petani kecil-kecilan tiada pendapatan tetap setiap bulan, hasil tanaman sebelum ini pun tidak dapat dijual, kini harga racun rumpai pula melambung tinggi.

"Saya berharap kerajaan dapat membantu memantau harga racun rumpai dan baja sekiranya ada peniaga yang sengaja mengambil kesempatan menaikkan harga barangan itu," katanya.

Aziz turut berharap kerajaan dapat memperuntukkan bajet sama rata sahaja bagi kawasan di bawah jelapang padi mahupun

tidak bermula tahun depan.

"Kami yang duduk di luar kawasan jelapang padi sebenarnya dapat mengeluarkan hasil yang sama jika tidak 'sangkut' dari segi peruntukan disediakan.

"Kami selalu berdepan masalah tiada peruntukan setiap kali meminta agar dinaik taraf ataupun dibaik pulih prasarana sedia ada seperti jalan raya, sistem perparitan dan lain-lain," katanya.

Seorang lagi petani yang merupakan Ketua Tani Kampung Pengkalang Nangka, Besut, Jusof Ismail, 53, berharap peruntukan bajet untuk tahun depan ditumpukan kemudahan prasarana seperti longkang, jalan untuk laluan trak-

tor yang hendak menjalankan kerja-kerja membajak bagi memudahkan urusan petani.

"Di kawasan saya, petani berdepan masalah prasarana terutamanya kedudukan longkang yang terlalu rendah dari sawah,

"Sudah lama kami mohon dapat dinaik taraf longkang di sini, tetapi alasan diberi sama iaitu tiada peruntukan, sememangnya kawasan kami tidak di bawah senarai jelapang padi," jelasnya.

Para petani di sini juga berharap kerajaan dapat mengekalkan kemudahan bantuan dan insentif diberi kepada petani sebelum ini selain dapat menilai insentif baharu yang bersesuaian dengan situasi semasa bagi membantu golongan petani.

Dalam Bajet 2021, kerajaan memperkenalkan lima program bantuan subsidi dan insentif kepada industri padi dan beras negara bagi memastikan kelangsungan pengeluaran padi dan beras negara di samping menampung keperluan pasaran domestik dan menajankan pendapatan pesawah.

DAN 2.0 tingkatkan sekuriti makanan, pertanian pintar

KUALA LUMPUR - Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang dilancarkan pada Isnin bakal meneruskan agenda pembangunan sektor agromakanan dengari tumpuan khusus terhadap usaha meningkatkan sekuriti makanan negara.

Berdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, usaha tersebut bakal dijayakan melalui pemodenan dan pertanian pintar serta memperkuh rantai nilai agromakanan.

Menurutnya, keutamaan dasar kali ini memberi tumpuan kepada usaha mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan serta kualiti hidup dalam kalangan pengeluar sektor makanan.

"Bagi mencapai matlamat DAN 2.0, kaedah pertanian pintar menjadi fokus memodenkan sektor ini. Ia bertujuan meningkatkan produktiviti yang merangkumi semua subsektor agromakanan.

"Pertanian pintar ini merupakan antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama yang telah digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

"Sehubungan itu, DAN 2.0 bakal dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap penerimgunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat," katanya.

Ismail Sabri berucap melalui rakaman video pada Majlis Pelancaran DAN 2.0 yang

berlangsung secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini pada Isnin.

Ismail Sabri berkata, bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi akan menjadi nadi pembangunan sektor ini.

Katanya, sehubungan itu kerjasama pelbagai agensi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta turut digembleng dalam menjayakan DAN 2.0 ini.

"Melalui kerangka DAN 2.0 berserta dokumen pelan tindakan yang telah disediakan, sasaran purata pertumbuhan sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, beliau sendiri akan memantau pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang telah digariskan dalam DAN 2.0 melalui jawatankuasa khas secara berkala.

Katanya, jawatankuasa khas itu akan dianggotai oleh pengurusan tertinggi MAFI serta Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.

"Selain itu, Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan dianggotai oleh pakar yang berpengalaman dalam sektor agromakanan akan bertindak sebagai Jawatankuasa Penasihat untuk menasihati dan meneliti kerangka tadbir urus dan pelaksanaan DAN 2.0," katanya.



Ronald (dua dari kanan) bersama dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kiri) dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (kanan) serta Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid (kiri) pada majlis pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.



Siti Farhana Haron, 32, melihat buku yang dilancarkan pada majlis pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 diadakan di Wisma Lembaga Pertubuhan Peladang.

Catu dedak, tanam jagung

Harap kerajaan dapat beri bantuan subsidi harga bagi pembelian dedak

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Seorang penternak lembu terpaksa menanggung lebih kos disebabkan berlaku kenaikan harga input pertanian.

Input pertanian ialah baja dan racun yang perlu digunakan petani untuk memastikan tumbesaran tanaman. Ia diberikan subsidi oleh kerajaan, namun ada yang dibeli sendiri oleh petani.

Input penternakan pula ialah

INPUT PERTANIAN DAN INPUT PENTERNAKAN

- Input pertanian ialah baja dan racun yang perlu digunakan oleh petani untuk memastikan tumbesaran tanaman. Ia diberikan subsidi oleh kerajaan, namun ada yang dibeli sendiri oleh petani.
- Input penternakan pula ialah makanan dan vitamin yang diperlukan oleh haiwan ternakan.

makanan dan vitamin yang diperlukan oleh haiwan ternakan.

Seorang penternak, Hasrul Nizam Hashim, 35, berkata, tambahan kos operasi itu membebankan golongan terbit terutama ketika ekonomi negara kurang memberangsangkan akibat pandemik Covid-19.

Dia berusaha menjimatkan kos dengan mencatu dedak kepada haiwan ternakan selain menanam jagung sebagai makanan alternatif, namun terpaksa pula menanggung kos baja dan racun yang meningkat.

"Harga makanan ruminan untuk lembu mengalami kenaikan mendadak sejak November lepas lagi. Kenaikan harga untuk 50 kilogram/guni adalah dari RM47 pada November kepada RM49, meningkat kepada RM55 pada Januari, RM57 (Februari) dan Mac sekitar RM60.

Pada Ogos, saya beli satu tan dedak pada harga RM672, tetapi harga pada September terus meningkat kepada RM851.40 untuk satu tan pallet," katanya.

Hasrul Nizam berkata, berikutan itu, catuan bekalan makanan dedak terpaksa dibuat bagi mengurangkan kos.

"Saya cari alternatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap dedak dengan menanam jagung dan napier, tetapi terpaksa keluaran kos lain pula seperti penggunaan racun dan

baja. Kesemua input pertanian ini mengalami trend peningkatan harga dibandingkan pada bulan-bulan sebelumnya," katanya.

Menurutnya, kenaikan harga seolah tidak terkawal dan antara alasan diberikan pembekal adalah peningkatan kos operasi dan harga bahan mentah.

"Antara racun yang saya gunakan untuk tanam jagung adalah racun ulat berharga antara RM35 hingga RM80 yang perlu disembur tiga kali seminggu, selain racun kulat berharga RM65.

Baja NPK untuk suburkan tanah pula berharga RM160 bagi 50kg, serta baja buah juga dibeli pada harga sama. Jagung yang saya tanam adalah jenis manis, maka penjagaan untuk makhluk perosak seperti ulat dapat dikurangkan dengan penggunaan racun berlainan jenis," katanya.

Tambahnya, jagung dipilih sebagai alternatif kerana jualan lebih buah boleh dijadikan pusingan modal bagi kos pembelian racun dan baja.

"Sudahlah harga makanan ruminan naik, racun dan baja pun sama dengan anggaran 10 peratus kenaikan. Tiga bulan lepas saya beli pada harga lain, sekarang harganya lain pula. Kalau nak gunakan racun berkualiti khusus untuk jagung tak berbaloi pula dengan hasil, terpaksa guna racun gred sederhana,"



Hasrul Nizam menanam jagung sebagai alternatif pusingan modal bagi membeli racun, baja dan makanan ruminan yang harganya terus meningkat.

katanya.

Hasrul Nizam berkata, isu kenaikan harga makanan ternakan sudah dibangkitkan sebelum ini namun harganya tetap meningkat.

"Penternak terpaksa naikan sedikit harga jualan daging bagi mengimbangi kos makanan yang ditanggung, namun apabila berlaku, pihak berwajib pula ambil tindakan dengan menetapkan harga kawalan daging pada musim perayaan menyebabkan penternak kerugian," katanya.

Sehubungan itu, golongan

penternak merayu agar kerajaan membantu menangani masalah kenaikan harga ruminan dan input pertanian bagi mengurangkan kos operasi.

"Diharap kerajaan dapat memberi bantuan subsidi harga bagi pembelian dedak atau menetapkan harga kawalan.

"Kami harap dalam Bajet 2022 golongan penternak diberikan lebih bantuan seperti mesin pengisar rumput 'chopper', vitamin serta ubat-ubatan haiwan ternakan, bantuan racun dan baja serta yang berkaitan," katanya.

Harga input pertanian naik 80 peratus

ALOR SETAR - Kenaikan harga input pertanian sehingga mencecah 80 peratus memberi tekanan kepada pesawah di negeri Kedah.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, kenaikan itu dikesan berlaku kira-kira dua bulan lalu iaitu menjelang penanaman padi musim 2/2021.

Katanya, kenaikan yang berlaku sangat ketara sehingga menyebabkan pesawah berasa tertekan untuk membuat pembelian kesemua input pertanian terbit.

"Kita tidak menafikan sebelum ini pun berlaku kenaikan kos tetapi tidak terlalu

ketara seperti sekarang.

"Sekarang ini harga racun rumpai 4 liter adalah RM80 berbanding sebelum ini cuma berharga RM45, hampir sekali ganda kenaikan," katanya.

Menurutnya, dia berharap kerajaan melakukan sesuatu untuk memastikan harga input pertanian bagi tanaman padi dapat distabilkan semula.

"Jika punca kenaikan ini adalah disebabkan bahan mentah atau lain-lain faktor yang tidak dapat dikawal, kerajaan perlu keluaran subsidi segera.

"Kami bukan terlalu meminta tetapi padi adalah industri yang penting dalam negara kita sebagai makanan asasi. Jadi

kerajaan perlu lakukan sesuatu supaya beban kos ini tidak ditanggung 100 peratus oleh pesawah," katanya.

Seorang pesawah, Saharul Izam Shafie, 52 berkata, kenaikan harga input berkenaan turut dirasai olehnya yang mengerjakan 11 hektar sawah.

"Untuk keseluruhan bendang saya perlukan dua tong racun batas isian 18 liter. Racun itu sebelum ini berharga RM220 tetapi sekarang sudah meningkat melebihi RM300.

"Kos kerja-kerja sawah semakin tinggi sekarang, tetapi hasil belum tentu lumayan lagi, bergantung atas nasib juga kalau tanaman tidak bermasalah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

PETANI, PENTERNAK

TERTEKAN

EKSKLUSIF



Pesawah, Aswadil Khairi Che Omar, 36 berehat seketika di tepi sawah selepas menyiapkan kerja kerja membajak di sawahnya di Bukit Besar, Alor Setar baru-baru ini.

- Bagi memastikan penanaman padi tidak terjejas, pesawah di Perak terpaksa meminjam sehingga RM10,000 daripada ejen padi ekoran kenaikan harga racun rumpai sehingga dua kali ganda.
- Di Terengganu, golongan petani di negeri itu mendakwa kenaikan harga racun rumpai dan baja sehingga dua kali dalam satu musim amat membebankan dan sekiranya dibiarkan boleh menyebabkan mereka 'gulung tikar'.
- Sementara itu, di Selangor, para pesawah meminta kerajaan mempertimbang menaikkan harga padi daripada RM1,200 setan metrik kepada melebihi RM1,300 setan metrik berikutan kenaikan harga racun rumpai sejak dua bulan lalu selain terkesan pandemik Covid-19 serta tekanan hasil pertanian yang rendah akibat serangan penyakit.

MUKA 2, 3 & 4

Cadang naik harga padi atasi kos racun

TANJONG KARANG - Kerajaan digesa memperimbang menaikkan harga padi daripada RM1,200 tan metrik kepada melebihi RM1,300 tan metrik berikutan kenaikan mendadak harga racun sejak dua bulan lalu.

Seorang pesawah, Zam Zam Salleh, 53 berkata, petani berharap harga belian padi dapat ditingkatkan bagi menampung kos input pertanian terutama racun yang semakin tinggi.

Menurutnya, sudah tiba masanya kerajaan membantu pesawah yang selama ini terkesan dengan pandemik Covid-19 selain tekanan hasil pertanian yang rendah akibat serangan penyakit.

"Kami berdepan dengan kenaikan harga racun melambung tinggi dan keadaan ini memberi kesan kepada pesawah yang bergantung kepada pendapatan ini untuk meneruskan kelangsungan hidup.

"Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menaikkan harga belian padi daripada RM1,200 tan metrik kepada harga lebih munasabah iaitu melebihi RM1,300 tan metrik," katanya kepada *Sinar Harian* di sini.

Zam Zam memberitahu, pesawah ketika ini bukan sahaja berdepan dengan kos racun yang tinggi, malah input pertanian lain juga mengalami kenaikan harga mendadak.



Zam Zam meminta kerajaan menaikkan harga padi berikutan harga racun naik mendadak sejak dua bulan lalu.

"Harga racun mengalami kenaikan antara 20 hingga 30 peratus. Misalnya jika sebelum ini harga racun lima liter hanya RM145, tetapi kini harga dijual

sehingga RM260," jelasnya.

Menurut Zam Zam, selain itu, pesawah turut berdepan dengan serangan penyakit dan isu pemutusan potongan padi pada

kadar 20 peratus.

"Kami berharap isu-isu pesawah ini dipandang serius kerajaan dan janganlah membebankan kami," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Mohd Hazlan Mohd Sabran, 49, memberitahu, pesawah membeli racun dalam kuantiti banyak bagi mengatasi serangan penyakit.

Kata Mohd Hazlan, keadaan itu sudah tentu membebankan pesawah yang bergantung kepada sektor itu sebagai punca pendapatan.

"Kerajaan perlu kawal harga racun, kamu tidak mahu harga ini dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Pesawah terpaksa pinjam wang broker

Mereka tiada pilihan lain selain buat pinjaman bagi memastikan tanaman padi tidak terjejas

Oleh **NORMAWATI ADNAN**

IPOH

Pesawah di Perak terpaksa meminjam sehingga RM10,000 daripada ejen padi ekoran kenaikan harga racun sehingga dua kali ganda.

Kos untuk meracun bagi keluasan sa-

wah antara tiga hingga lima hektar ialah diantara RM300 hingga RM500

Untuk keseluruhan kos bendang, broker boleh memberikan pinjaman kepada petani sehingga RM2,000 bagi keluasan setiap satu hektar.

Difahamkan bagi setiap musim, ada petani pinjam sebanyak RM3,000 hingga RM10,000 bergantung kepada keluasan sawah.

Menurut seorang pesawah, Muslan Mohd Napiyah, 46, dari Kerian berkata, mereka tidak mempunyai cara lain selain membuat pinjaman bagi memastikan penanaman padi kali ini tidak terjejas.

Menurutnya, bayaran itu kemudiannya akan dipotong daripada hasil jualan padi sebaik musim menuai selesai.

"Harga racun sekarang dah tak sama



Muslan (kanan) dan Azhar (dua dari kanan) mengawal kenaikan harga racun membebaskan pesawah.

macam dulu, jika tidak dibeli hari ini, mungkin ia akan naik pada keesokan hari membuatkan ramai pesawah tak mampu.

"Jadi nak tak nak, mana-mana pesawah yang tak cukup modal kenalah pinjam dahulu daripada broker dan ejen padi. Bayaran itu nanti akan dipotong daripada hasil jualan padi," katanya.

Broker atau ejen padi merupakan pihak ketiga yang akan membeli hasil padi. Mereka mengambil hasil tersebut untuk diproses di kilang-kilang padi untuk dijadikan beras.

Sementara itu, Ketua Unit Parit Haji Ali, Masjid Tinggi itu mengakui, musim padi kali ini paling terkesan kerana peningkatan harga input pertanian terutamanya racun yang disifatkan terlalu tinggi.

"Kalau sebelum ini, harga racun antara RM180 dan RM220 setiap 20 liter tetapi sekarang dah naik antara RM380 hingga RM480," katanya.

Bagi Azhar Hashim, 53, pula, pe-

nanaman padi di sebahagian kawasan Bagan Serai baru memasuki peringkat menabur dan lebih banyak racun perlu digunakan untuk peringkat seterusnya.

Atas faktor itu katanya, pesawah terpaksa membuat pinjaman lain meskipun telah mempunyai modal awal untuk mengerjakan sawah masing-masing.

"Kos bagi setiap sawah tak sama sebab ia bergantung kepada keluasan tetapi dalam keadaan sekarang dengan harga racun dah meningkat, modal sedia adapun tidak cukup. Sebab itu ada yang terpaksa meminjam daripada broker dan ejen," ujarnya.

Ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSawah) itu berharap kerajaan dapat menguatkuasakan penetapan harga siling bagi racun.

"Kalau boleh kita syorkan kerajaan pantau balik, minta kementerian berkaitan semak mengapa harga racun tinggi sedangkan petani juga terhimpit disebabkan Covid-19," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	THE STAR	MUKA DEPAN	1



Sowing the seeds of the future

Malaysian farms have the potential to grow further with agrofood participants reaping more from the fruits of their labour following the launch of DAN 2.0. Similarly, for Asean to get ahead, it too has to harness hi-tech, says Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob who also launched NTBp to propel the country as a pre-eminent trading nation. > See page 2 and Biz

Photo: FAIHAN GHANI/The Star

Growth potential: An Agriculture and Food Industries Ministry employee holding a copy of the National Agro Policy 2021-2030 at the Farmers' Organisation Authority in Kuala Lumpur.

Farming methods to be updated

Agrofood sector transformation aimed at increasing incomes

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia will be focusing on modernisation and smart farming methods as it aims to transform the country's agrofood sector in the next decade, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The Prime Minister said the new National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0) will continue the momentum and success of its predecessor launched in 2011.

He said since the launch of the policy, the contribution of the agrofood sector to the country's gross domestic product (GDP) has seen an average annual growth of 6.8% up to 2020.

"This is an almost 100% increase compared with the GDP growth in 2010. Total food exports also increased at an average annual growth rate of 6.4%, from RM18.1bil to RM33.7bil (during the same period).

"Indeed, today's agrofood sector provides an added value and has the potential to increase the income of participants in the supply chain.

"DAN 2.0 aims to continue the agrofood sector development agenda, with a focus on efforts to improve the country's food security.

"These efforts will be successful through modernisation and smart agriculture as well as by strengthening the agrofood value chain.

"The policy will also prioritise efforts to increase productivity as well as improve the income and quality of life of producers," the

Prime Minister said in a recorded speech at the launch of DAN 2.0.

Ismail Sabri said the focus on modernisation and smart agriculture would be supported by financing funds, investment incentives, and manpower to increase the adoption of Fourth Industrial Revolution (IR4.0) technologies.

"Research and development, as well as commercialisation and innovation, will be the pulse of the development of the agrofood sector," he added.

Ismail Sabri said the implementation period of DAN 2.0, which is until 2030, was in line with the 2030 Sustainable Development Agenda.

He added that smart agriculture was also one of the Key Economic Growth Activities outlined in the Shared Prosperity Vision 2030.

Through DAN 2.0's framework and action plan, Ismail Sabri said the country was targeting an average annual growth of the agrofood sector to be at 4.5% during the 12th Malaysia Plan period.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khandee said the ministry is confident of Malaysia's agrofood sector's ability to grow further.

"Throughout the pandemic, many sectors suffered a downturn, but the agrofood sector was the only one that showed positive growth.

"With such a comprehensive plan, and with close monitoring by the ministry, the agrofood sector will continue to expand," he said after the launch event.

Cari potensi produk baharu

MAFI tumpu industri tanaman moden, perluaskan eksport sejuk beku

Oleh SHAFIQ TINO

BATU PAHAT

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus mengenalpasti pelbagai lagi produk baharu dan diyakini mampu memperoleh pulangan yang lumayan sekali gus memperbaiki aktiviti eksport agromakanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, usaha itu dilihat berdasarkan potensi sedia ada produk atau tanaman negara yang dilihat



Ronald (dua dari kiri) menandatangani piak ketika lawatannya di kilang memproses durian sejuk beku, Top Fruits Sdn Bhd di Parit Sulong di sini pada Sabtu.

mempunyai permintaan tinggi di luar negara seperti produk durian yang disejuk beku.

Menurutnya, selain raja buah, potensi besar dan mendapat permintaan tinggi adalah produk nangka dari Malaysia yang sudah memasuki pelbagai pasaran

antarabangsa termasuk di China.

"Kami mengenal pasti buah-buahan lain yang mempunyai permintaan tinggi seperti durian dan nangka terutamanya di China.

"Menerusi pengalaman syarikat yang mengusahakan

produk ini, angka kini dihantar ke Australia dan hasil jualan juga dilihat tinggi yang mana buah-buahan ini boleh dijual daripada harga tempatan RM8 kepada 30 Dollar Australia (30\$)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada lawatan kerja di kilang memproses durian sejuk beku milik Top Fruits Sdn Bhd (Top Fruits) di Parit Sulong di sini pada Sabtu.

Ronald berkata, potensi jualan buah-buahan itu juga dilihat sebagai salah satu penanda aras baharu dalam usaha kerajaan menerusi MAFI untuk menjadikan industri tanaman moden sebagai salah satu penyumbang hasil tinggi bagi ekonomi negara.

"MAFI menggalakkan pertumbuhan industri tanaman sebegini dan dieksport. Ia merupakan gambaran kepada sektor pertanian moden dan kaedah yang kita akan gunakan dalam melakar Dasar Agro

Makanan 2.0 (DAN2.0).

"Kita akan memberi tumpuan kepada pemodenan industri pertanian seperti ini dalam semua rantaian industri bukan sahaja pada penjenamaan tetapi produk dieksport," katanya.

Beliau berkata, usaha itu juga merupakan dasar kementerian yang mampu dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Beliau akui gembira melihat dasar (Dasar Agromakanan 2.0) yang diolah oleh kerajaan disambut baik oleh pihak industri.

"MAFI juga akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk pemain-pemain industri tanaman seperti ini.

"Semua pihak dalam industri juga akan mampu melihat kejayaan diperoleh DAN 2.0 apabila pelbagai kaedah akan diperbaharui dalam tempoh sembilan tahun akan datang," katanya.

Rebut peluang ke pasaran antarabangsa

BATU PAHAT

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) optimis menjadi perantara dalam mempromosikan produk pertanian tempatan ke tahap tertinggi sekali gus merebut peluang dalam pasaran antarabangsa.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, FAMA di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berperanan membantu pemain industri memperkukuh dan meluaskan pasaran eksport produk agromakanan ke luar negara.

"FAMA juga menyediakan perkhidmatan sokongan seperti geran pemasaran, pameran pemerdagangan, pengiklanan dan promosi secara 'in store' di pasaran terpilih," katanya.

Beliau mengiringi Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Khande ke kilang memproses durian sejuk beku milik Top Fruits Sdn Bhd (Top Fruits) di Parit Sulong di sini pada Sabtu.

Katanya, Top Fruits contoh terbaik bagi pemasaran tanaman tempatan di peringkat antarabangsa selain telah meraih pelbagai akreditasi dunia.



Zainal Abidin (tiga dari kanan) bersama Ronald (lima dari kanan) melihat cara memproses nangka untuk dieksport ke luar.

Top Fruits merupakan salah satu pemain industri yang telah mendapat akreditasi General Administration of Customs of The People's Republic of China (GACC) untuk mengeksport ulas durian sejuk beku ke pasaran negara berkenaan pada 2011.

"Pada 2019, Top Fruits berjaya mendapat akreditasi penuh GACC untuk mengeksport durian biji dan boleh menghantar buah-buahan daripada tanaman mereka ke 19 negara termasuk di Eropah dan Timur Tengah," katanya.

Jelasnya, meskipun tidak terlibat secara langsung dalam proses mendapatkan GACC, namun FAMA memastikan setiap produk pemain industri mendapat pemasaran yang cukup.

Top Fruits tembusi pasaran 20 negara

BATU PAHAT - Bermula dengan tanaman durian sejak 1986, Top Fruits Sdn Bhd (Top Fruits) kini menjadi syarikat terbesar dalam rangkaian pemasaran hasil agromakanan di negara ini.

Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 2010 itu berjaya memasarkan produk durian sejuk beku ke 20 negara termasuk di Eropah dan Timur Tengah.

Pengarahnya, Tan Sue Yee berkata, Top Fruits pemain industri pertama dalam negara yang berjaya mengeksport durian ke pasaran Hong Kong dan China.

"Kami eksport durian sejuk beku ke luar negara pada tahun 2011 dengan bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau menerima lawatan kerja Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khande di Kilang Top Fruits di Parit Sulong di sini pada Sabtu.

Top Fruits antara lima syarikat terawal yang mendapat akreditasi penuh General Administration of Customs of The People's Republic of China (GACC) yang membolehkan mereka memasarkan hasil mereka di negara berkenaan.

"Kami memilih sejuk

beku kerana ia lebih tahan lama dan tidak menjejaskan rasa.

"Kami menggunakan durian premium seperti Musang King dan tidak mahu kualitinya terjejas," katanya.

Mereka membelanjakan peruntukan besar untuk proses pembangunan dan kajian bagi menjamin durian sejuk beku yang dieksport berkualiti dan tahan lama.

Top Fruits memasarkan durian yang dihasilkan dari dusun seluas 500 ekar yang terletak di kawasan Batu Pahat, dan Muar di Johor dan Pahang. Sebanyak 1,200 tan metrik durian Musang King dihasilkan setahun.

Untuk projek perintis Top Fruits bersama MAFI dan FAMA, mereka juga mengeksport produk nangka sejuk beku ke Australia.



Sue Yee (kiri) memberi penerangan kepada Ronald (dua dari kiri) mengenai proses pembuatan durian sejuk beku tanpa biji di Kilangnya, Top Fruits Sdn Bhd.

Eksport makanan ke Singapura stabil

Nilai eksport produk agromakanan negara catat RM6.9 bilion

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BHARU

Eksport produk agromakanan negara ke Singapura kekal stabil dengan kadar pertumbuhan antara satu hingga enam peratus sepanjang tempoh lima tahun.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, di sebalik penularan Covid-19, nilai eksport produk agromakanan negara mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.5 peratus kepada RM6.9 bilion berbanding tahun sebelumnya.

"Dalam tempoh itu juga lebih 330,000 metrik tan atau 49 peratus eksport pertanian segar telah di eksport ke Singapura.

"Prestasi kukuh ini disebabkan Malaysia merupakan rakan dagangan utama Singapura terutama dalam sektor bekalan makanan dengan pecahan pasaran sehingga 18 peratus," katanya.

Beliau ditemui selepas sidang video bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar



Ronald (tengah) melihat produk agromakanan yang akan dieksport ke Singapura ketika lawatan kerja di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Ismail pada Jumaat.

Mohammad Mustafa di Pejabat Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI, Azah Hanim Ahmad.

Menerusi sidang video itu, mereka membincangkan pelbagai perkara berkaitan cabaran pandemik dalam sektor agromakanan, polisi sekuriti makanan negara, usaha meningkatkan pengeluaran domestik, pematuhan standard dan kualiti eksport, pemasaran dan promosi produk agromakanan.

MAFI melalui FAMA akan mempergiatkan lagi aktiviti pemasaran dan promosi produk agromakanan ke Singapura bagi memenuhi permintaan pengguna di sana.

"FAMA merancang untuk melaksanakan program 'Malaysia Fest' di Singapura selepas pintu sempadan kedua-dua negara dibuka kelak.

"Program tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2004 itu memang dinantikan rakyat Singapura dan merekodkan seramai 80,000 hingga 100,000 pengunjung hadir sepanjang festival," katanya.

Sementara itu, MAFI memberi sumbangan produk agromakanan di bawah program MAFI Prihatin

REAKSI



Sumbangan difulurkan MAFI membantu seramai 70 penghuni asrama yang terdiri daripada anak yatim dan fakir miskin." - Mohamad Halimi Kolan (Asrama Kebajikan ArRayan Johor Bahru)



Syukur atas bantuan diberikan MAFI kerana dapat membantu anak-anak daripada keluarga B40." - Normah Mohd Razali (SMK Dato Penggawa Timur Masi)



Pusat jagaan kami menerima sumbangan kedua sejak PKP, Sumbangan ini membantu kami menguruskan penghuni daripada golongan orang kurang upaya (OKU)." - L. Saraswathy (Pusat Jagaan Warga Istimewa Kempas)

kepada 200 rakyat Malaysia yang terkandas di Singapura ekoran pandemik Covid-19.

Bermula Jun sehingga 18 Oktober, sebanyak 90 tan metrik makanan disalurkan dengan jumlah RM330,000 dan memanfaatkan 40,000 penerima di 209 lokasi di seluruh negara.

Di Johor pula, pelaksanaan

MAFI Prihatin melalui FAMA telah memberi manfaat kepada 3,480 individu di 14 lokasi di seluruh negeri dengan nilai bantuan berjumlah RM35,000.

Ronald turut menyerahkan sumbangan sebanyak 2.5 tan metrik produk agromakanan menerusi MAFI Prihatin untuk 350 penerima di sekitar Johor Bahru.

FAMA catat jualan RM122 juta

JOHOR BHARU

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merekodkan hasil jualan sebanyak RM122 juta menerusi rangkaian outletnya dari 1 September hingga 18 Oktober lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zainal Abidin Bin Yang Razalli berkata, sebanyak 368 rangkaian

outlet di seluruh negara mula beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, pembukaan kesemua outlet itu memberi manfaat kepada lebih 12,131 usahawan dan 2.26 juta pelanggan.

"Pembukaan ini satu indikator yang positif berikutan jumlah dan hasil



ZAINAL ABDIN

keuntungan yang dicapai melebihi sasaran awal yang ditetapkan FAMA.

"Pembukaan semula rangkaian outlet FAMA merangkumi 35 pasar tani kekal, 266 pasar tani, 19 medan gerai buah-buahan segar, lima Agrobazar R&R serta lima pasar tamu," katanya.

Menurutnya, kejayaan hasil jualan yang direkodkan itu membolehkan sasaran lebih besar dicapai menjelang akhir tahun ini untuk membantu lebih ramai usahawan.

"Sehingga kini nilai jualan yang telah dijana oleh usahawan berjumlah RM121 juta. Kami sasaran nilai jualan sebanyak RM200 juta diperolehi sehingga 31 Disember ini melalui outlet-outlet berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengusaha Projek Hidroponik Melon, Sismi Izzani Simi, 36, yang ditemui ketika lawatan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Pasar Tani Datin Halimah, tidak menyangka 1,000 pokok "golden melon" yang ditanam secara hidroponik membuahkan hasil cukup baik.

Dia bersyukur kerana mendapat kepercayaan FAMA Johor untuk mengusahakan tanaman itu di atas tanah seluas kira-kira 1.5 ekar bermula Jun lalu.

Projek itu boleh dijadikan model pertanian moden yang mengadaptasikan teknologi terkini dalam industri pertanian negara.

Sismi merencanakan 'rock melon' yang ditanamkannya.



"Saya merancang untuk menanam 1,000 'rock melon' pada musim akan datang. Penggunaan sistem hidroponik ini lebih jimat dan buah akan mengeluarkan hasil dalam tempoh 70 hari," katanya.

Perdana Menteri mahu IPTA, IPTS bergabung jayakan hasrat negara

Pertanian pintar jadi fokus DAN 2.0

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) akan memberi fokus kepada kaedah pertanian pintar dalam usaha memodenkan sektor tersebut.

Menurut Perdana Menteri, penekanan penggunaan kaedah tersebut akan menjadi kunci bagi menayakan transformasi sektor agromakanan yang bakal dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja.

Katanya, ia mampu meningkatkan tahap penerima guna teknologi Revolusi Perindustrian Keempat.

"Nadi pembangunan sektor ini ialah penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi. Seiring itu, kerjasama pelbagai agensi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta turut digembleng dalam menayakan DAN 2.0.

"Melalui kerangka DAN 2.0 beserta dokumen pelan tindakan yang telah disediakan, sasa-



ISMAIL SABRI

ran purata pertumbuhan sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)," katanya pada majlis pelancaran DAN 2.0 secara maya semalam.

Tambah beliau, DAN 2.0 merupakan kesinambungan DAN 2011-2020 yang bertujuan menjamin bekalan makanan negara mencukupi dan selamat serta menjadikan sektor agromakanan berdaya saing.

"Ia telah menyumbang kepada



SEKTOR pertanian merupakan salah satu nadi penting dalam agromakanan negara dan bakal dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja menerusi DAN 2.0.

peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.8 peratus pada tahun 2020.

"Peningkatan ini hampir 100 peratus berbanding pertumbuhan KDNK pada 2010. Jumlah eksport bahan makanan turut meningkat dengan kadar per-

tumbuhan purata tahunan sebanyak 6.4 peratus iaitu daripada RM18.1 bilion kepada RM33.7 bilion bagi tempoh tahun yang sama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1



Pertanian pintar teras Dasar Agromakanan Negara 2.0

Kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Siti Farhana Haron, 32, melihat kandungan buku dasar agromakanan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) secara hibrid di Kuala Lumpur, semalam. Tumpuan khusus dasar itu adalah untuk meningkatkan sekuriti makanan melalui pemodenan dan pertanian pintar serta memperkukuh rantai nilai agromakanan dalam negara. **Nasional 2**

(Foto Aizuddin Saad / BH)

Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030

DAN 2.0 fokus tingkat sekuriti makanan

**Pelaksanaan
dasar menerusi
pemodenan,
pertanian pintar
kukuh rantaian
agromakanan**

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang dilancarkan, semalam akan memberi tumpuan khusus terhadap usaha mempertingkatkan sekuriti makanan negara menerusi pemodenan dan pertanian pintar.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dasar itu akan memperkukuhkan rantaian nilai agromakanan, mempertingkatkan produktiviti dan mendapatkan ser-

ta kualiti hidup dalam kalangan pengehar sektor makanan.

"Bagi mencapai matlamat DAN 2.0, kaedah pertanian pintar menjadi fokus untuk memodenkan sektor ini. Ia bertujuan meningkatkan produktiviti yang merangkumi semua subsektor agromakanan.

"Pertanian pintar ini adalah antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama yang digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030," katanya.

Perdana Menteri berucap melalui rakaman video pada Majlis Pelancaran DAN 2.0 yang berlangsung secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), di sini.

Yang turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee; dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; serta Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Haslina Abdul Hamid. Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, melalui DAN 2.0 dan do-



Ismail Sabri menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran DAN 2.0, yang berlangsung secara hibrid di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Alzuddin Saad /BH)

kumen pelan tindakan yang disediakan, sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dalam pada itu, beliau turut berpuas hati dengan pencapaian DAN bagi tempoh 2011 hingga 2020, yang dianggap sangat membanggakan berikutan sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.8 peratus pada 2020.

Perdana Menteri berkata, peningkatan itu adalah hampir 100 peratus berbanding pertumbuhan KDNK pada 2010. "Jumlah eksport bahan makanan turut meningkat dengan kadar pertumbuhan purata tahun-

nan sebanyak 6.4 peratus iaitu daripada RM18.1 bilion kepada RM33.7 bilion bagi tempoh tahun yang sama.

"Ternyata sektor agromakanan hari ini memiliki nilai tambah yang berpotensi meningkatkan pendapatan di sepanjang rantaian peserta industri," katanya.

Berkenean sekuriti makanan, Ismail Sabri berkata, beliau menggariskan fokus transformasi sistem makanan negara pada Persidangan Kemuncak Sistem Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 23 September lalu.

Katanya, fokus itu bakal dilaksanakan melalui DAN 2.0 dengan tempoh pelaksanaannya selari dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Beliau berkata, sistem mak-

nan negara perlu diperkukuh supaya lebih berdaya tahan dan mampan, terutama sebagai perisian selain pandemik COVID-19, yang mungkin berlaku pada masa akan datang.

Justeru, katanya, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara pada 25 Mac 2020 bagi merangka dasar sekuriti makanan secara holistik.

"Menerusi platform ini, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dibangunkan dengan mengambil kira isu dan cabaran sekuriti makanan negara.

"Semua dasar dan pelan itu akan saling melengkapi bagi menjayakan usaha negara dalam meningkatkan kemampanan sistem agromakanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	SINAR HARIAN	DEBARAN PRN MELAKA	11

Bersatu akur larangan berhimpun

KUALA LUMPUR - Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) akan melaksanakan pelarasan kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka susulan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Naib Presiden Bersatu, Datuk Seri Ronald Khandee berkata, pelaksanaan SOP berkenaan diakui mengganggu kempen calon yang bertanding, namun pihaknya akur dengan ketetapan tersebut.

“Sudah tentu larangan ber-

himpun akan mengganggu aktiviti kempen seperti sedia kala, jadi kita terpaksa buat pelarasan.

“Tapi pelarasan harus memberi kesamarataan kepada semua, tidak hanya khusus kepada satu parti kerana SOP terpakai kepada semua ketika PRN,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030



RONALD

(DAN 2.0) di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada Ahad yang melarang sebarang aktiviti, perhimpunan atau majlis sosial berkaitan pilihan raya termasuk majlis pelancaran jentera pilihan raya bermula 25 Oktober

hingga 27 November 2021.

Ketetapan dhumumkan itu dibuat meskipun Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bakal mengumumkan SOP PRN dalam masa terdekat.

Khairy dilaporkan berkata, SOP yang bakal diumumkan SPR terpaksa waktu kempen bermula membolehkan KKM khuatir ada banyak majlis politik sebelum itu yang tidak mematuhi SOP.

Mengulas lanjut, Ronald Khandee berkata, apa sahaja SOP dikeluarkan KKM dan Majlis

Keselamatan Negara (MKN) wajar dipatuhi sebagaimana yang telah dilaksanakan sejak hampir dua tahun negara berdepan pandemik Covid-19.

“Saya rasa kita perlu akur kepada SOP. Sejak dua tahun lalu, kita sentiasa patuh dan mengikut apa sahaja SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.

“Jadi tiada beza ketika berhadapan dengan pilihan raya, tentu sekali semua pihak perlu akur apa sahaja SOP ditetapkan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Pemantauan berterusan turunkan harga ayam, telur

KPDNHEP terus komited tangani isu elak pengguna terbebani

Kuala Lumpur: Isu kenaikan harga ayam dan telur dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini semakin reda, berikutan harga bekalan itu semakin menurun dan dijangka akan terus menunjukkan penurunan.

Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Azman Adam, berkata KPDNHEP akan terus komited dalam usaha menangani isu kenaikan harga ayam dan telur, supaya pengguna tidak terbebani.

Katanya, pemantauan harga ayam dan telur oleh Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP menerusi Ops Catu 8.0, menjadi antara usaha kerajaan untuk memastikan peniaga tidak menaikkan harga bekalan itu sesuka hati.

"Sehingga 5 Oktober lalu, sebanyak 268 premis diperiksa di seluruh negara membatalkan sebanyak 38 premis pada peringkat penternak, pengeluar dan pengilang, pemborong (78 premis) dan peruncit (152 premis).

"Dalam tempoh sama, sebanyak 924 surat pemberitahuan dikeluarkan kepada peniaga bagi setiap rantai pengedaran ayam dan telur sepanjang Ops Catu 8.0. Ini untuk memastikan harga ayam dan telur dapat distabilkan semula.


"Malah, daripada jumlah itu, sebanyak 643 peniaga bertindak menurunkan harga jualan ayam mereka," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mengeluarkan sebanyak 263 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) kepada peniaga yang masih tidak membuat semakan harga untuk mendapatkan maklumat kos dan belian barangan lebih terperinci.

Azman berkata, kenaikan harga ayam disebabkan pelbagai faktor termasuk kenaikan harga makanan ayam iaitu dedak, yang bahan utamanya diimport dari luar negara.

Selain itu, sebelum ini langkah kerajaan membuka lebih banyak sektor ekonomi di mana kebanyakan negeri sudah beralih ke Fasa 2, 3 dan 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) meningkatkan lagi permintaan ayam sedangkan pe-

Kitaran penternakan integrasi ayam daging



Pemeriksaan pada peringkat pengeluar makanan ternakan ayam turut dilaksana bagi mendapatkan maklumat berhubung belian bahan utama bagi pengeluaran makanan ternakan ayam iaitu jagung dan soya. Ini bagi mengesan sama ada berlaku aktiviti peningkatan pada kos pengeluaran makanan itu dan mengesan aktiviti mencatat

Azman Adam, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP



Kenaikan harga ayam dan telur disebabkan pelbagai faktor termasuk kenaikan harga dedak yang bahan utamanya diimport dari luar negara. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

ngeluaran ayam mengambil masa sekitar 32 hari sebelum boleh dipasarkan," katanya.

Beliau berkata, langkah lain diambil, termasuk mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar atau penternak dan peladang ayam serta bersama agensi kerajaan yang berkaitan, terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Pemeriksaan pada peringkat pengeluaran makanan ternakan

ayam turut dilaksana bagi mendapatkan maklumat berhubung belian bahan utama bagi pengeluaran makanan ternakan ayam iaitu jagung dan soya. Ini bagi mengesan sama ada berlaku aktiviti peningkatan pada kos pengeluaran makanan itu dan mengesan aktiviti mencatat," katanya.

Mengulas mengenai kononnya harga ayam dan telur dikawal pemborong sebagai orang tengah,

Azman berkata, hasil pemantauan pihaknya menafikan harga bekalan itu dikawal oleh rantaian tertentu.

Beliau berkata, Malaysia mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas di mana permintaan dan penawaran menjadi satu daripada faktor yang menyumbang turun dan naik harga barang.

Justeru, beliau turut menyarankan pengguna lebih bijak menguriskan perbelanjaan terutama ke-

tika tempoh yang sukar ini.

Pengguna yang mempunyai maklumat berkaitan salah laku oleh peniaga, aduan boleh di salurkan kepada KPDNHEP melalui beberapa cara iaitu portal e-aduan.kpdnhep, pusat panggilan 1-800-886-800, e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my, Ez ADU KPDNHEP dan pusat Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) ditalian 03-8862 6088/6245 serta WhatsApp 019-279 4317.





Pemantauan berterusan penguat kuasa KPDNHEP terhadap harga ayam dan telur mampu mengelakkan kenaikan harga.



Bantuan subsidi pantau harga elak kos naik

Kuala Lumpur: Kos makanan ayam yang meningkat sekali ganda menjadi antara punca kenaikan harga makanan mentah itu di pasaran.

Pembekal ayam, Azizi Gultom, berkata dahulu harga seguni dedak kira-kira RM85, namun sekarang meningkat terlalu drastik iaitu hampir mencecah RM180 seguni.

"Harga ayam ini tidak pernah turun dan sentiasa naik. Apa yang memberi kesan kepada kenaikan harga ayam ialah harga makanan dedak itu sendiri.

"Jika pemakanan ayam itu dikawal oleh kerajaan dan mungkin diberikan subsidi seperti mana baja dalam sektor pertanian, tidak mustahil harga ayam akan sentiasa stabil," katanya yang menjadi pengedar ayam di kawasan Lembah Klang.

Sementara itu, pemborong telur ayam, Alamin Osman, berkata harga telur ayam ketika ini tinggi berikutan harga ladang dikenakan juga tinggi berbanding kebiasaan.

Belanja berhemat ketika harga turun naik

Johor Bharu: Mengamalkan perbelanjaan berhemat, termasuk mengurangkan pembelian ayam segar ketika harga masih mahal di pasaran antara tindakan dilakukan segelintir pengguna.

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 34, berkata kebiasaannya beliau membeli ayam segar dua kali seminggu kerana makanan itu adalah juadah kegemaran anaknya.

Bagaimanapun, katanya apabila berlaku peningkatan harga ayam segar antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram dan dianggap terlalu tinggi, pembelian terpaksa dibuat lebih berhati-hati.

"Apabila harga ayam tinggi, saya mengurangkan pembelian ayam segar dan beralih kepada, sama ada ikan yang murah atau telur," katanya ketika ditemui BH.

Apabila harga ayam tinggi, saya mengurangkan pembelian ayam segar dan beralih kepada, sama ada ikan yang murah atau telur

Nor Azura Mohd Amin,
Pekerja swasta



Reaksi

Kami dipersalahkan atas harga ayam yang mahal sedangkan harga dari ladang masih tinggi

Hafizul Mohamad,
Peniaga ayam segar



Saya tidak ambil kesempatan menaikkan harga ayam, sebaliknya menjual mengikut harga ditetapkan KPDNHEP, selain tidak mahu bebankan pelanggan

Zarina Abdullah,
Peniaga ayam



Setakat ini harga ayam di pasar raya masih 'tidak cekik darah' dan dijual pada harga ditetapkan, malah kami menjalin kerjasama dengan KPDNHEP

Chua Hock Soon,
Penolong Pengurus Bahagian Pentadbiran pasar raya



Katanya, alasan yang diberikan ialah kenaikan harga makanan ayam itu mempengaruhi harga telur dan terpaksa dijual pada harga tinggi.

"Jika dulu harga telur gred A hampir RM10 sepapan, tetapi kini ia mencecah hingga RM14. Biasanya harga telur ini akan turun bila sampai satu tahapnya.

"Sebagai pembekal, kesannya ialah etok telur akan lambat babis kerana ramal berjimat cermat atau menurunkan pembelian gred telur.

"Saya berharap harga telur ayam ini juga akan dipantau," katanya yang menjadi pembekal telur ayam di Kota Bharu, Kelantan.

Nor Azura berkata, lazimnya dia membeli ayam segar di pasar basah, berikutan lokasinya yang berhampiran di rumah berbanding di pasar raya besar yang agak jauh.

"Walaupun harga ayam dikatakan lebih murah di pasar raya besar, faktor orang yang terlalu ramai di situ, menyebabkan saya tidak selesa apatah lagi penularan wabak COVID-19 masih berlaku," katanya.

Sementara itu, peniaga makanan, Fadhilah Ahmad, 45, tidak menafikan, turut berasa terbeban jika berlaku kenaikan harga ayam.

Katanya, beliau pernah mengeluh kepada pembekal mengenai harga ayam yang terlalu tinggi, namun pembekal memberi alasan harga yang diterima dari ladang tinggi, menyebabkan mereka tersepit.

"Menu ayam adalah juadah utama di restoran kami dan menjadi kegemaran ramai, namun kami masih belum menaikkan harga makanan berasas ayam bagi mengelakkan pelanggan marah selain tidak mahu pelanggan lari.

"Peniaga seperti saya tidak boleh membeli ayam di pasar raya besar kerana mereka menetapkan jumlah yang boleh dibeli pelanggan berbanding kami yang membeli dalam kuantiti banyak," katanya.

Kuala Lumpur

Di sebalik penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang antara lain mengenakan hukuman keras termasuk penjara kepada mereka yang didapati bersalah menzalimi haiwan, perbuatan itu dilihat masih berleluasa dengan sebahagiannya dilakukan secara terbuka.

Kezaliman yang dilakukan bukan sahaja terhadap haiwan belaan dan jalanan seperti anjing dan kucing, tetapi juga kepada binatang liar. Contohnya kejadian di Paya Terubong di Pulau Pinang pada 27 Jun lepas, apabila sejumlah monyet liar diturunkan mati dipercayai akibat diracun.

Menurut Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Zaharinan Abd Aziz, pihaknya menerima 276 aduan membabitkan 13 kategori kezaliman dan pengabaian haiwan pada tahun ini setakat September lepas.

"Kami juga menjalankan 5,597 operasi membabitkan pemeriksaan kedai haiwan peliharaan, tempat pembiakan haiwan, penginapan, tempat perlindungan haiwan dan pemilikan haiwan sepanjang tempoh berkenaan serta menyalah 39 kes.

"Antara kategori aduan kezaliman ialah tidak diberi makan dan minum, ditinggalkan pemilik berpindah, kurungan kotor, diikat dengan rantai yang pendek dan terdedah kepada panas dan hujan," katanya ketika dalam webinar Kebajikan Haiwan: Di mana Tahap Kesedaran Rakyat Malaysia an-

Lapan penganiaya haiwan dihukum

JPV terima 276 aduan membabitkan 13 kategori kezaliman dan pengabaian haiwan pada 2021 setakat September lalu

juratan Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia.

Katanya kes yang disiasat merangkumi 30 kes penganiayaan haiwan, dua kes pemberian racun dan tujuh kes pelagaan membabitkan 28 ekor anjing, sembilan ekor kucing, 116 ekor ayam laga dan 27 ekor ikan laga.

"Daripada 39 kes yang disiasat, lapan daripadanya telah selesai di mahkamah dengan tindakan di bawah Akta 772 iaitu Akta Kebajikan Haiwan 2015," katanya.

Zaharinan berkata, perbuatan menyepak, menendang, mendera atau mencacatkan anggota haiwan dikira sebagai kesalahan penganiayaan yang dilakukan dengan sengaja, sama ada haiwan dimiliki ataupun yang terbiar.

Begitu juga dengan tindakan tidak menyediakan makanan dan minuman serta meracunkan.

Beliau berkata, Akta 772 memperuntukkan beberapa seksyen khusus bagi kesalahan-kesalahan tersebut, iaitu Seksyen 29 untuk penganiayaan haiwan, Seksyen 30 (pembunuhan haiwan), Seksyen 31 (pemberian racun) dan Seksyen 32 (pelagaan haiwan).

"Mereka yang didapati



MONYET liar ditemukan mati dipercayai akibat diracun dalam kejadian di Pulau Pinang pada 27 Jun lalu.

bersalah boleh dikenakan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Regulatori JPV Dr Muhammad Razli Abdul Razak mengakui masalah kezaliman terhadap haiwan termasuk dari segi penjagaan kebajikan dan kesejahteraan masih berleluasa di negara ini berikutan tahap kesedaran masyarakat masih rendah.

"Usaha aktivis haiwan,

persatuan pencinta haiwan dan pegawai veterinar dalam menjaga kebajikan haiwan adalah tidak mencukupi. Usaha ini perlu mendapat kerjasama secara menyeluruh iaitu menerapkan rasa sayang terhadap haiwan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Pegawai Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Syamira Syazwana Zaini berkata, berdasarkan kajian *International Journal of Environmental Research and Public Health*

pada April lalu, penganiayaan haiwan berhubung kait dengan isu keganasan rumah tangga.

"Sebagai contoh, di United Kingdom, sesuatu kes penganiayaan haiwan tidak akan terhenti pada hukuman terhadap pesalah sahaja, pihak berkuasa mereka akan teruskan penyiasatan sehinggalah mendapati kebanyakannya berpunca daripada keganasan domestik dan kesihatan mental masyarakat.

"Satu kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur pada 2019 ke atas penduduk di Putrajaya, mendapati kesedaran mereka terhadap kebajikan haiwan masih kurang dan antara faktornya ialah kurang ilmu pengetahuan, cara menfai haiwan peliharaan mereka, persepsi, budaya, ekonomi dan komunikasi," katanya.

Dr Syamira Syazwana berkata, ada lima asas kebajikan haiwan yang perlu difahami oleh masyarakat, iaitu keperluan persekitaran yang bersesuaian, keperluan untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit, keperluan untuk ditempatkan bersama atau berasingan, keperluan untuk mem-

perhatikan corak kelakuan semula jadi dan diet yang sesuai.

"Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kebajikan haiwan, beberapa alternatif boleh diterapkan dalam kalangan masyarakat, antaranya perubahan sikap manusia dari segi kesihatan fizikal dan mental, menggunakan *participatory approach* dengan haiwan-haiwan, komunikasi secara empati, serta pendidikan dan pendedahan terhadap kesedaran itu sejak kecil," katanya.

Sementara itu, doktor veterinar Dr Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali berkata, penerapan tanggungjawab lima C iaitu *Commitment, Consideration, Cost, Control* dan *Care* perlu diterapkan dalam kalangan setiap pemilik haiwan peliharaan supaya penjagaan haiwan terbahit lebih terjamin.

"Memelihara dan menjaga haiwan merupakan komitmen seumur hidup dan (pemilik) perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan setiap tahap kesihatan, pindah rumah dan keadaan persekitaran bagi memastikan haiwan yang dijaga itu dapat menyesuaikan diri mereka.

"Selain itu, kaji sikap haiwan yang ingin dipelihara kerana karakter dan diet mereka tidak sama dengan manusia. Pastikan anjing atau kucing peliharaan anda tidak berkeliranan dan mengganggu ketenteraman jiran kerana orang awam boleh mengadu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) jika mereka tidak selesa dengan gangguan haiwan-haiwan dan PBT berhak memindahkan dan memusnahkan mereka," katanya.

Rompin: Jabatan Perikanan Pahang melepaskan 400 anak penyu agar di Pulau Tulai, Pulau Tioman, kelinaran sebagai usaha menambahkan lagi pendaratan reptilia itu ke pulau berkenaan.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, Pulau Tulai yang terkenal dengan terumbu karang menjadi tempat pelepasan anak penyu berusia seminggu yang kali pertama dilakukan pihaknya di pulau itu.

Beliau berkata, rekod pihak Cawangan Taman Laut Pulau Tioman mendapati terdapat 20 pendaratan lebih 10 penyu jenis agar dan lipas pada tahun ini di Pulau Tulai dengan kawasan sunyi dan tanpa gangguan manusia menjadi faktor utama reptilia itu mendarat.

"Selain Pulau Tulai, penyu turut mendarat di Kampung Juara dan bebe-

Lepas 400 anak penyu agar di Pulau Tulai



Jabatan kini giat berusaha untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai antara lokasi pendaratan penyu di negeri ini, pelbagai usaha sedang dilakukan"

Abdullah Jaafar

rapa kampung lain di Pulau Tioman dan hampir setiap tabung reptilia itu datang untuk bertelur.

"Jabatan kini giat berusaha untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai antara lokasi pendaratan penyu di negeri ini, pelbagai usaha



HALINA (kanan) melepaskan anak penyu jenis agar di Pulau Tulai, kelinaran. - Gambar NSTP/MOHID RAPI MAMAT

sedah dan sedang dilakukan dengan kerjasama masyarakat setempat.

"Antara usaha dilakukan

ialah mengadakan program pelepasan anak penyu dari semasa ke semasa selain kempen kesedaran jangan

makan telur penyu," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas kejayaan pengan-

juratan Program Kesedaran Awam Terhadap Kepentingan Pemuliharaan Sumber Maritim Pahang 2021 yang turut membabitkan aktiviti pelepasan 400 anak penyu agar di Pulau Tulai disertai lebih 80 pelancong dan penduduk setempat, kelinaran.

Hadir sama, Ketua Cawangan dan Pengurusan Sumber Jabatan Perikanan Pahang, Halina Hashim.

Pada program itu, turut diadakan aktiviti gofong-royong membersihkan kawasan pantai dan penerangan mengenai kepentingan penyu serta kempen jangan makan telur penyu.

Abdullah berkata, program pelepasan anak penyu sebelum ini pernah diadakan di Kampung Juara dan Kampung Tekek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	4

Animal cruelty cases still prevalent despite penalties

➤ Veterinary Dept finds mistreatment and abuse not only confined to pet dogs and cats but wildlife as well

KUALA LUMPUR: Despite the steep penalty, including jail term, for animal abuse under the Animal Welfare Act 2015, such cases remain prevalent with some people ill-treating animals in full view of the public.

It is not just pets and stray animals like dogs and cats that are at the receiving end of abusers, but also wildlife.

On June 27, several wild monkeys were found dead in Paya Terubong, Penang, purportedly due to poisoning.

Department of Veterinary Services (DVS) enforcement division director Zaharinan Abd Aziz said as of September, his department received 276 complaints pertaining to 13 categories of animal cruelty and neglect, Bernama reported.

"During the same period, we also carried out 5,597 operations involving the inspection of pet shops and animal breeding centres, boarding

places and shelters, and also investigated 39 cases.

"Among the categories of abuse reported were pets not being given food and water, abandoned after the owners moved elsewhere, kept in filthy cages, tied to a short leash, and exposed to the sun and rain," he said at a recent webinar on "Animal Welfare: What is the Level of Awareness among Malaysians?" organised by the Malaysian Veterinary Medical Association.

The 39 cases investigated by the department comprised 30 animal abuse, two poisoning cases and seven involving cockfighting and fish fighting.

The cases involved 28 dogs, nine cats, 116 roosters and 27 fighting fish.

Eight of the cases were settled in court with action taken against the perpetrators under the Animal Welfare Act 2015.

Zaharinan said the Animal Welfare Act has

specific sections dealing with these offences, namely Section 29 pertaining to animal cruelty, Section 30 (killing of animals), Section 31 (administration of poisons) and Section 31 (animal fighting ventures).

"Any individual convicted (of an offence under the Act) can be fined not less than RM20,000, with a maximum fine of RM100,000, or face maximum three years' imprisonment or both," he said.

Meanwhile, DVS regulatory division director Dr Muhammad Razli Abdul Razak said animal abuse is still widespread in the country due to low level of awareness of animal welfare among the public.

Universiti Putra Malaysia veterinary officer Dr Syamira Syazuana Zaini said the public must understand the five basic needs that must be met to ensure the welfare of animals.

They are providing them with appropriate environment; protecting them from pain, suffering, injury and illnesses; placing them together or separately; allowing them to exhibit natural patterns of behaviour; and providing them with appropriate diet.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Eksport hasil pertanian ke Singapura meningkat



Ronald ketika lawatan kerja di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru baru-baru ini.

PUTRAJAYA : Pengeksportan hasil pertanian negara khususnya ke Singapura sehingga Oktober 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 44 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata jumlah transaksi eskport ini juga dianggarkan akan terus meningkat sehingga 15 peratus sehingga hujung tahun 2021.

"Secara keseluruhannya dari Januari hingga Oktober 2021, menunjukkan 308,000 transaksi dengan kuantiti keseluruhannya melibatkan hampir 2 juta tan metrik barangan pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan telah dieksport ke Singapura dengan nilai anggaran sebanyak RM3.48 billion," katanya ketika lawatan kerja dan pemantauan operasi import eksport produk pertanian di Kompleks Kastam dan Imigresen Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru baru-baru ini.

Jelas Ronald, Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bermula pada tahun 2020 juga tidak mempunyai impak secara langsung terhadap pengeksportan produk pertanian di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

"Data menunjukkan transaksi eksport ke negara Singapura dari pintu masuk ini menunjukkan jumlah transaksi telah meningkat daripada 56,610 pada tahun 2019 kepada 125,151 pada tahun lalu.

"Peningkatan direkodkan sebanyak 121 peratus dengan kuantiti barangan eksport pertanian meningkat daripada 279,218 tan metrik kepada 364,012 tan metrik. Trend kenaikan eksport yang sama dijangka berlaku pada tahun 2021 di mana transaksi sehingga Oktober telah pun mencecah kepada 393,189 tan metrik," katanya.

Menurut Ronald lagi, MAFI menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) akan terus mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan khususnya pintu-pintu masuk negara.

Pada masa sama MAFI juga dalam perancangan untuk memuktamadkan beberapa cadangan pindaan akta dalam bidang kuasa Maqis.

Ronald berkata, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] antara lain untuk meluaskan skop kuasa MAQIS di luar pusat kuarantin, stesen kuarantin serta premis kuarantin

yang membabitkan kuasa untuk membuat serbuan, siasatan dan penahanan diluar pintu masuk negara.

"Selain itu pindaan juga akan memperkukuhkan bidang kuasa bagi tujuan kawalan biosekuriti kepada semua komoditi pertanian yang berhubungan dengan aktiviti import dan eksport, pemindahan antara wilayah, transit dan transshipment.

"Akta 728 juga akan menekankan kepada pengurusan kawalan biosekuriti yang lebih mantap termasuk meningkatkan kadar denda atau hukuman yang dikenakan dalam peruntukan kesalahan sedia ada dan menambah baik pengurusan barang rampasan bahan mudah rosak (perishable item)," jelas beliau.

Nelayan C2 di Tumpat, Tok Bali sengsara dengan kos diesel, tiada nelayan asing

'Bagai jatuh ditimpa tangga'

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Pengusaha bot C2 sekitar Tumpat dan Tok Bali di negeri ini mengibaratkan mereka dibiarkan sengsara berterusan apabila masalah nelayan warga asing belum selesai, kini terpaksa pula menanggung kenaikan harga diesel.

Mereka mendakwa sebelum kenaikan harga diesel, bot mereka sudah lama tersadai kerana ketiadaan nelayan warga asing.

Pengusaha bot laut dalam di Tumpat, Nazori Yusof, 58, berkata, ketika masalah pekerja asing belum selesai kini, mereka diuji pula dengan kenaikan harga bahan bakar dari RM2.05 seliter kepada RM2.70 seliter.

"Dengan harga diesel lama, dalam tempoh dua hingga tiga minggu, sebuah bot memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 liter diesel tanpa subsidi. Kosnya mencecah RM20,500.

"Sekarang dengan harga baharu RM2.70 kami terpaksa membelanjakan RM27,000 un-



SEBAGIAN bot laut dalam yang tersadai di pelisir Terusan Semerak di Tok Bali, Pasir Putih semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

tuk mengoperasi sebuah bot. Itu pun kalau dikira secara kasar dengan harga tersebut yang disyitiharkan kerajaan.

"Masalahnya, kami bukan boleh bawa bot ke stesen mi-

nyak untuk mengisi diesel. Tempat kami adalah jeti-jeti berlesen atau jeti persatuan nelayan yang memaksa kami bayar kos tambahan," katanya yang mengibaratkan nasib mereka

bagai jatuh ditimpa tangga.

Nazori berkata, modal diperlukan untuk satu kelim (tempoh berada di laut 14 hingga 21 hari) meningkat RM216,000 bagi tujuh hingga lapan bot laut

dalam, tidak termasuk kos makan minum bagi tempoh tersebut.

"Sebelum ini, sebanyak 30 bot C2 dan C di kawasan Tumpat tersadai kerana sukar mendapatkan tenaga pekerja selepas nelayan asing gagal kembali. Sekarang, bilangannya mungkin bertambah akibat kenaikan harga diesel," katanya.

Pengusaha bot laut dalam di Tok Bali, Ismail Zakaria, 50, pula berkata, subsidi amat diperlukan bagi memastikan baki enam bot laut dalam syarikat perkongsian miliknya dapat terus beroperasi, selepas lima daripadanya tersadai sejak pandemik.

"Enam bot yang masih beroperasi ini perlu menanggung kos diesel sebanyak RM123,000 tidak termasuk bebanan kos makan-minum 30 awak-awak," ujarnya.

Ismail berkata, pengusaha bot C2 satu ketika dahulu pernah menikmati subsidi diesel pada harga RM1.65 namun dihentikan kononnya pengusaha mampu menampung kos tersebut.

'Turun pangkat' demi diesel subsidi RM1.65 seliter

KUANTAN: Pengusaha bot kelas C2 sanggup 'turun pangkat' demi memastikan mereka memperoleh diesel bersubsidi berharga RM1.65 seliter.

Utusan Malaysia difahamkan, walaupun tindakan turun kelas daripada C2 kepada C itu suatu kesalahan, namun ia didakwa tetap berlaku ekoran harga diesel industri yang terlalu mahal.

Sumber memaklumkan, untuk naik pangkat ataupun naik kelas, ia dibenarkan mengikut peraturan.

"Jika 'turun pangkat', mengikut peraturan tidak dibenarkan, namun, tetap berlaku. Faktor utama kerana diesel bersubsidi," kata sumber itu semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, kira-kira 450 pengusaha bot kelas C2 di seluruh negara semakin 'tenat' sehingga ramai terpaksa menghentikan operasi kerana tidak mampu menanggung kenaikan

harga diesel industri sehingga RM50,000 sebulan bagi sebuah bot sebelum keluar menangkap ikan.

Harga diesel industri yang dijual kepada pengusaha bot kelas C2 kini meningkat daripada RM2.05 seliter kepada RM2.70 seliter kelmarin.

Pada tahun lalu, direkodkan terdapat kira-kira 594 buah bot kelas C2 di negara ini.

C2 adalah bot paling besar dalam semua kelas yang ada dan pemegang lesennya dibenarkan menangkap ikan di kawasan 30 batu nautika dari pantai.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pahang (Pernepa), Zulkiflee Md. Yusof berkata, jika berdasarkan pembelian minyak diesel dengan pihak persatuan, kekurangan bot kelas C2 begitu ketara.

"Kita dapati berlaku penambahan membabitkan bot kelas C, jadi timbul juga persoalan ke mana perginya bot-bot kelas C2?" soalnya.

Beliau berkata, isu diesel bersubsidi sekian lama membelunggu pengusaha bot C2 yang dianggap sebagai nelayan komersial dan golongan korporat oleh pihak kerajaan berbanding nelayan kelas C.

"Kita seharusnya mengambilkira kawasan pengoperasian bot kelas C2, ia membabitkan kawasan 30 batu nautika ke atas dari pantai, jadi siapa yang menggunakan bahan api yang banyak?"

"Jadi bila kerajaan anggap C2 golongan korporat dan kaya tetapi bila hendak beroperasi 30 batu nautika ke atas, mereka perlu guna bahan api yang banyak; sebab itu dulu kita mohon supaya kerajaan memberikan sama harga diesel antara C2 dan juga C," katanya.

Menurutnya, apabila penggunaan bahan api tinggi, kos pengoperasian pengusaha bot C2 meningkat sekali gus ia mempengaruhi harga ikan di pasaran.

Nelayan laut dalam tak wajar rasa terbeban

IPOH: Pengusaha bot Zon C2 tidak mendapat harga diesel bersubsidi kerana dikategorikan sebagai bot nelayan komersial.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ini bermakna pengusaha bot C2 perlu membeli diesel pada harga industri.

"Perlu difahami ada bot nelayan yang tidak layak mendapat harga subsidi bagi pembelian diesel seperti pengusaha bot Zon C2.

"Bot-bot Zon C2 ini didaftarkan dalam kumpulan kapal dan tidak layak membeli diesel pada harga subsidi.

"Jadi dakwaan pengusaha bot Zon C2 terbeban dengan kenaikan harga diesel tidak wajar kerana mereka memang membeli diesel pada harga industri," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, ini berbeza dengan pengusaha bot Zon A, B dan C yang membeli diesel pada harga subsidi iaitu RM1.65 sen seliter.



SYED ABU HUSSIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL

Beliau berkata, bermula tahun 2019, rasionalisasi pemberian subsidi telah dikaji semula dan kerajaan bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi diesel kepada vesel Zon A, B dan Zon C sahaja dengan kadar RM1.65 seliter.

Beliau berkata, manakala bagi vesel Zon C2, bekalan diesel yang diterima adalah dengan kadar harga diesel komersial kerana vesel Zon C2 merupakan vesel laut dalam komersial.

Headline	FAMA records RM122 mln sales via outlets in less than 2 months		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	26 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	18,290
Page No	A4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	100 cm ²
Journalist	Bernamea	AdValue	RM 279
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 836



FAMA records RM122 mln sales via outlets in less than 2 months

JOHOR BAHRU: The Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) recorded sales of RM122 million through outlets under its supervision from Sept 1 to Oct 18, 2021.

FAMA director-general Datuk Zainal Bidin Yang Razali said the network of 368 outlets nationwide has provided benefits to more than 12,131 entrepreneurs and also 2.26 million customers who buy their agrofood products at these outlets. He said the opening of a chain of outlets adopting standard operating procedures (SOP) set by the National Security Council was a positive indicator as the sales and profit achieved had surpassed the

initial target set by FAMA. The reopening of all FAMA outlets included 35 'pasar tani kekal', 266 farmers markets, 19 fresh fruit stalls, five Agrobazaar outlets at R&R areas, as well as five pasar tamu (weekly market).

"Initially, we target to open 241 outlets, however, up to Oct 18, we have opened 368 outlets. In terms of the number of entrepreneurs, we are targeting 6,000 entrepreneurs...that's the target until December, we have offered opportunities but as of last Monday, more than 12,000 entrepreneurs have carried out the business. As for sales value, we are aiming for RM200 million until December 31 via these

outlets but we have achieved RM122 million as of last Monday, hence, we feel by year-end, we are able to achieve more than what we target," he told a media conference.

Earlier, a video conference between Minister of Agriculture and Food Industries (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and the High Commissioner of Malaysia to Singapore was held at Johor FAMA. Besides that, Ronald also presented a contribution of 2.5 tonnes of agrofood products via MAFI Prihatin programme to six community welfare homes around Johor Bahru which benefitted 350 recipients.
— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	HARIAN METRO	BISNES	24

368 rangkaian outlet Fama catat jualan RM122 juta

Johor Bahru: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) mencatatkan hasil jualan sebanyak RM122 juta menerusi rangkaian outlet seliaan lembaga itu dari 1 September hingga 18 Oktober lalu.

Ketua Pengarah Fama Datuk Zainal Bidin Yang Razali (*gambar*) berkata, 368 rangkaian outlet yang mula dibuka di seluruh negara memberi manfaat kepada lebih 12,131 usahawan dan 2.26 juta pelanggan untuk mendapatkan produk agromakanan yang ditawarkan.

Katanya, pembukaan rangkaian outlet dengan mengadaptasi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) itu menunjukkan satu indikator positif berikutan jumlah dan hasil keuntungan yang dicapai melebihi daripada sasaran awal ditetapkan Fama.

Pembukaan semula rangkaian outlet Fama merangkumi 35 pasar tani kekal, 266 pasar tani, 19 medan gerai buah-buahan segar, lima Agrobazaar R&R serta lima pasar tamu.

“Pada mulanya, kita menyasarkan untuk membuka sebanyak 241 outlet,

namun, sehingga 18 Oktober, kita sudah membuka 368 outlet.

“Dari segi jumlah usahawan, kita menyasar-

kan sebanyak 6,000 usahawan

dan itu (sasaran) sehingga Disember tetapi setakat Isnin lalu, lebih 12,000 usahawan sudah menjalankan perniagaan.

“Dari segi nilai jualan pula, kita menyasarkan sebanyak RM200 juta sehingga 31 Disember ini, namun sehingga kini nilai jualan yang sudah dfjana oleh usahawan setakat Isnin lepas mencatatkan nilai jualan sebanyak RM122 juta,” katanya.



Mak Cun masuk pasar tani FAMA

Inisiatif itu untuk menimba pengalaman di pasar tani selain pasar raya dan niaga dalam talian

Oleh MUHAMMAD AMNAN
HIBRAHIM

SHAH ALAM

Kumpulan Geng Niaga Mak Cun (Genia) Selangor kini mengorak langkah baharu dengan memasarkan produk usahawan Industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan di tujuh pasar tani FAMA yang berada di sekitar negeri tersebut.

Pengarah Urusan Mak Cun Jutawan Sdn Bhd, Erma Fatima berkata, lokasi tapak niaga Mak Cun itu akan melibatkan pasar tani FAMA di Shah Alam, Banting, Kelana Jaya, Rawang, Serdang, Puchong dan Hulu Selangor.

Katanya, tapak niaga yang akan diusahakan oleh lapan usahawan Genia Makcun Selangor di bawah program realiti, Zero To CEO anjuran sebuah media swasta itu akan menawarkan lebih 14 jenis makanan dan barangan, dan dapur keluaran anak tempatan.

"Di pasar tani ini, kita akan menjual produk industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan selain daripada produk sedia ada di bawah naungan Mak Cun.

"Maknanya, kita hanya jual produk buatan orang Malaysia yang dijamin kualitasnya selepas melalui proses saringan dan pada masa sama juga dijamin halal," katanya selepas merasmikan tapak niaga pertama GeniaSelangor MakCun@FAMA di pasar tani FAMA, Stadium Shah Alam, baru-baru ini.

Erma berkata, inisiatif dilakukan oleh kumpulan Genia Selangor itu merupakan langkah pertama kumpulan usahawan tersebut bagi mendapatkan pengalaman melakukan jualan di pasar tani selain daripada menggunakan platform perniagaan sedia ada seperti di pasaran dan kedai dalam talian.

Beliau yang juga merupakan pelakon dan penerbit terkenal berkata, paling utama dalam usaha tersebut adalah perjuangannya untuk mengangkat martabat produk hasil anak tempatan.

"Apa yang kita lakukan adalah buat satu jalinan kerjasama dalam memasarkan produk baru. Maknanya ada produk daripada Selangor, Kelantan dan Melaka yang buat usaha sama dengan



Erma bergambar bersama produk IKS tempatan yang dijual di tapak niaga GeniaSelangor MakCun@FAMA di pasar tani FAMA, Stadium Shah Alam, pada pagi Ahad.

Mak Cun. Jadi ini adalah usaha perniagaan jangka panjang," katanya.

Selain daripada memasarkan produk IKS di Mak Cun Mart yang mempunyai kedai fizikal dan dalam talian, makanan dan barangan dapur di bawah jenama tersebut juga turut dijual di pasaraya AEON.

Pada masa sama, Erma berkata, beliau berbangga inisiatif dilakukan oleh usahawan di

bawah jenama syarikatnya itu meskipun mereka merupakan pesaing di bawah program realiti keusahawanan tersebut.

"Walaupun mereka berentap antara satu sama lain, tapi mereka ambil jalan bergabung menjayakan pembukaan tapak niaga di pasar tani ini," ujarnya.

Dalam pada itu, salah seorang usahawan Mak Cun yang menyertai program realiti, Zero

To CEO, Mashalina Halim, 31 berkata, antara produk menarik ditawarkan di tapak jualan tersebut ialah sos char kuekui, sambal kicap original dan meletop serta serbuk kopi kampung.

Beliau ketika ini berada di kedudukan 10 teratas daripada 51 peserta dalam program tersebut berkata, turut dijual ialah pes rendang, masak lemak cili padi, asam pedas dan rempah kari ikan, kurma serta fucuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	24

Peniaga tak jual kerang-kerangan Sungai Geting

TUMPAT - Peniaga kerang-kerangan di sekitar Pantai Sri Tujuh di sini menegaskan makanan laut yang dijual seperti tiram, lokan, kepah dan lala bukannya dari kawasan Sungai Geting yang dicemari toksin saraf atau *saxitoxin* daripada alga berbahaya iaitu *alexandrium minutum*.

Walaupun jarak lokasi kedua-dua kawasan itu hanya beberapa kilometer, namun kerang-kerangan yang dijual di Pantai Sri Tujuh selamat untuk dimakan.

Seorang peniaga, Nik Ramlah Nik Yusof, 55, berkata, kesemua kerang-kerangan yang dijual di gerainya adalah dikutip dari kawasan sungai berhampiran Pantai Sri Tujuh dan sama sekali tidak melibatkan lokasi tercemar itu.

“Ramai salah anggap. Kesemua kerang-kerangan dijual selamat untuk dimakan dan bebas dari bahan tercemar.

“Kawasan aliran sungai di Pantai Sri Tujuh ini tidak bersambung dengan Sungai Geting,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Menurutnya, susulan salah faham itu, peniaga mengalami kerugian akibat hasil jualan mereka tidak terjual dan berharap orang ramai tidak meragui kebersihan serta keselamatan kerang-kerangan yang dijual mereka.



Nik Ramlah mengalami kerugian hasil jualan tidak laku.

Ratusan ikan sepat mati di sawah

ARAU: Ratusan ikan sepat yang ditemukan mati di gigi sawah belakang TIPC, Sungai Baru di sini, Khamis lalu, menimbulkan persoalan yang dikaitkan dengan penggunaan racun siput atau gondang yang diharamkan penggunaannya di kawasan bendang.

Situasi tersebut secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan terhadap kualiti dan ancaman terhadap hidupan sungai.

Kesan daripada racun tersebut dipercayai boleh mengalir ke tali air, denai dan sungai sekali gus boleh mencemarkan sungai dan mengundang risiko terhadap hidupan sungai jika tidak ada sebarang kawalan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pahlawan Sampah Perlis, Rosnani Nazri berkata, satu kajian saintifik meneliti kualiti kandungan air perlu dilakukan bagi mengelak pencemaran sungai.

Katanya, pihak bertanggungjawab yang menyelia kawasan bendang perlu memantau penggunaan racun yang boleh memberi kesan terhadap hidupan sungai berhampiran.

“Sekarang musim mengail ikan, namun apabila melihat banyak ikan yang mati ia amat mengecewakan. Kesan daripada itu, tidak mustahil ikan air tawar itu boleh pupus seperti mana lintah dan pacat di sawah,” katanya.

September tahun lalu, *Utusan Malaysia* pernah melaporkan fenomena ikan mati yang terapung di Sungai Tambun Tulang mengejutkan penduduk setempat yang mengaitkan dengan isu pencemaran.

Dalam kejadian tersebut, ratusan ikan ditemukan mati dan terapung di sungai selain tersangkut di tebing-tebing sungai dan kawasan tandap sepanjang kira-kira 14 kilometer sungai berkenaan dari Guar Sanji sehingga Simpang Empat.

Antara spesies ikan yang ditemukan mati terapung di sungai ketika itu membabitkan ikan jenis talapia, lam-pam dan baung.

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dengan harga RM2.60 sekilogram, Malaysia menjadi negara yang mempunyai harga paling rendah bagi jualan beras di rantau ini.

Berkualiti tinggi dan mempunyai bekalan yang mencukupi, negara berada pada tempat pertama mendahului Thailand yang menjual komoditi itu dengan harga RM2.70 sekilogram manakala Kemboja RM3.20 sekilogram.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras (KPB) Azman Mahmood berkata, kualiti beras tempatan adalah setara atau lebih baik berbanding beras putih import dan menjadi pilihan utama rakyat.

Menurutnya, sejak 2008 harga beras negara kekal rendah dan antara faktor-faktor adalah polisi kerajaan dalam menetapkan harga siling beras tempatan (beras putih) berbanding negara lain yang bergantung kepada keadaan pasaran.

Katanya, di rantau Asean dan kebanyakan negara di Asia, beras adalah makanan ruji dan dikategorikan sebagai barang kawalan.

"Berbeza dengan Malaysia, harga siling tidak dikenakan. Ini seperti harga ayam di Malaysia, di mana ayam termasuk barang kawalan, tetapi tidak dikenakan harga siling dan boleh berubah mengikut keadaan pasaran.

"Harga beras di Malaysia tidak berubah sejak Krisis Beras Sedunia pada tahun 2008. Berbeza dengan negara-negara lain di mana berlaku ketidakstabilan har-

Beras di Malaysia paling murah

Secara purata rakyat Malaysia menggunakan sekitar 77 kilogram beras dalam setahun



Harga beras di Malaysia tidak berubah sejak Krisis Beras Sedunia pada tahun 2008"

Azman Mahmood



ga, harga beras di Malaysia kekal stabil sewaktu dunia dilanda pandemik Covid-19," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, Singapura mencatatkan harga tertinggi iaitu RM8.52 sekilogram, Brunei (RM5.60), Indonesia (RM4.10), Laos (RM4), Vietnam (RM3.34) dan Filipina RM3.33 setiap satu kilogram.

Beliau berkata, kecekapan di seluruh rantaian industri iaitu pengilangan, pembongkaran, pengedaran dan peruncitan juga menyumbang kepada kestabilan harga serta mengekalkan harga pasaran yang rendah.

Menurutnya, itu menjadikan penggiat industri padi dan beras perlu mengoptimalkan kecekapan operasi mereka kerana berdepan dengan margin keuntungan yang rendah, mengambil kira harga siling beras.

Katanya, sekitar 90 peratus beras di pasaran adalah

beras putih tempatan dan import manakala baki sekitar 10 peratus lagi adalah beras wangi, beras pulut, basmati dan beras istimewa lain seperti beras Jepun.

"Majoriti beras putih adalah beras putih tempatan manakala bakinya beras putih import. Beras tempatan dikenakan harga siling dan menjadi penanda aras kepada beras putih import di mana jurang perbezaan keduanya adalah kecil.

"Beras wangi biasanya menjadi pilihan masyarakat Cina, beras basmati menjadi pilihan restoran mamak dan Arab, beras pulut untuk dijadikan kuih-muih, ketupat atau lemang, dan beras Jepun di restoran Jepun.

"Secara purata, rakyat Malaysia menggunakan sekitar 77 kilogram setahun bersamaan sekitar 210 gram sehari.

"Penggunaan per kapita beras di Malaysia adalah menurun di mana pada tahun 1960-an, penggunaan-

nya ialah sekitar 140kg setahun," katanya.

Azman berkata, pada masa ini fokus diberikan kepada peningkatan hasil dan pendapatan petani dan mereka sudah berpindah daripada kaedah penanaman secara manual kepada penggunaan mekanisasi yang tinggi.

Pada masa yang sama katanya, negara mengeluarkan pelbagai jenis beras wangi yang bermutu tinggi menerusi Mardi dan usaha sedang dijalankan untuk memperluaskan beras wangi ketahap komersial.

"Melalui penekanan baharu kerajaan kepada kaedah pintar sawah berskala besar (Smart SBB-MAFI), usaha mengkomersialkan beras wangi berkualiti tinggi dilihat mempunyai potensi yang besar," katanya.



KECEKAPAN di seluruh rantaian menyumbang kepada kestabilan harga beras di Malaysia.

Kuala Lumpur: Rakyat negara ini perlu sentiasa bersyukur dengan harga komoditi yang rendah dan sentiasa mudah didapati.

Pengerusi Intelek Muda Nasional (Intelek) Mohamad Fadly Mohd Zain berkata, ini kerana dalam konteks tertentu Malaysia mempunyai kelebihan yang tidak ada pada negara lain termasuk dalam sektor pertanian yang menjadi nadi ekonomi rakyat.

Katanya, harga beras yang dijual lebih murah perlu dijadikan peluang untuk mempelbagaikan produk berasaskan beras selain dijadikan makanan ruji.

"Berdasarkan perbandingan harga, kita dapati, beras di Malaysia dijual lebih rendah daripada negara lain dan sudah pasti itu juga satu

Pelbagaikan produk berasaskan beras

kelebihan.

"Indonesia juga menghasilkan beras, tetapi harganya lebih tinggi. Pada saya ia bukan saja pencapaian, tetapi membantu rakyat terbanyak," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden 3 Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM) Azman Kang Abdullah berkata, pihaknya mencadangkan supaya kerajaan terus mengekalkan harga yang rendah selain membantu petani untuk menghasilkan pengeluaran padi dengan lebih optimum.

Katanya, dengan harga yang rendah dan mampu

dimiliki, sudah pasti pasaran beras di negara ini sentiasa bergerak dan ia akan membantu petani untuk lebih produktif.

"Dari segi inisiatif, saya yakin Kementerian Berkaitan akan tampil dengan teknologi dan lain-lain.

"Tetapi kita perlu terus membantu petani untuk menghasilkan pengeluaran pada skala terbaik, berkualiti dan menjamin bekalan.

"Kedudukan harga yang rendah juga membuktikan kecekapan pengurusan industri dan saya yakin ia boleh dipertingkatkan," katanya.